

Pakej khas jalur lebar untuk orang muda

Kos lebih murah bantu beliaenuhi keperluan era norma baharu

Kota Kinabalu: Kerajaan dan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan mewujudkan pakej khas capaian jalur lebar untuk golongan belia dengan kos lebih murah dan terma lebih menarik, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, pakej berkenaan bagi membantu golongan belia memenuhi keperluan pembelajaran dan perhubungan di era norma baharu.

"Perincian pakej akan diumumkan oleh syarikat penyedia perkhidmatan dalam masa terdekat. "Golongan belia juga menjadi harapan kita untuk mencetuskan inovasi digital yang boleh memacu hasrat negara membangunkan agenda ekonomi digital.

"Oleh itu, golongan ini perlu diberi pengetahuan yang mencukupi dan peluang yang luas untuk mencetuskan inovasi dan idea baharu," katanya pada pelancaran Gerbang Sabah, di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah; Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan

Multimedia Malaysia (SKMM), Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek dan Pengerusi Telekom Malaysia Berhad, Tan Sri Mohd Bakke Salleh.

Gerbang Sabah adalah komponen penting Jalinan Digital Negara atau JENDELA yang dibangunkan untuk memantapkan penyediaan infrastruktur digital negara.

Bulan lalu, Muhyiddin mengumumkan bahawa kerajaan sedang membangunkan pelan infrastruktur digital nasional, dikenali sebagai JENDELA, yang dilaksanakan di bawah RMKe-12 (2021-2025), yang akan meletakkan asas untuk kemudahan liputan jalur lebar yang komprehensif dan berkualiti serta mempersiapkan negara untuk peralihan ke arah teknologi 5G.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, JENDELA adalah sebahagian daripada perancangan strategik negara untuk mempersiapkan rakyat bagi menghadapi perubahan cara hidup di masa depan yang lebih berlandaskan inovasi dan teknologi.



Muhyiddin menerima cenderahati daripada Mohd Bakke (kiri) sambil diperhatikan Saifuddin (dua dari kanan) selepas melancarkan Gerbang Sabah di Kota Kinabalu, malam tadi. (Foto BERNAMA)

Golongan belia juga menjadi harapan kita untuk mencetuskan inovasi digital yang boleh memacu hasrat negara membangunkan agenda ekonomi digital.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

"Gerbang Sabah ini adalah titik sambungan internet antara Sabah dan seluruh dunia yang saya percaya akan merancakkan lagi pembangunan dan kemajuan negeri Sabah," katanya.

Perdana Menteri berkata, Sabah adalah penerima terbesar pembangunan infrastruktur di bawah JENDELA, sekali gus menyaksikan kemudahan di negeri itu setanding dengan negeri lain.

Dengan pelaksanaan inisiatif JENDELA, katanya, rakyat di Sabah akan mendapat capaian jalur lebar yang lebih meluas bermula penghujung tahun ini hingga 2022.

"Sejumlah 419 menara baharu akan dibina dan 1,972 pemancar sedia ada akan dinaikkan taraf kepada 4G. Di samping itu, liputan talian tetap gentian optik akan diperluaskan yang membabitkan 251,166 premis di seluruh negeri Sabah.

"Inisiatif JENDELA di negeri Sabah dianggarkan membabitkan kos sebanyak RM2.45 bilion," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar golongan belia adalah kumpulan pengguna kemudahan

jalur lebar yang paling aktif.

"Belia hari ini dilahirkan sebagai warganegara digital. Penggunaan komputer dan telefon pintar menjadi suatu keperluan kepada golongan ini untuk berkomunikasi, belajar dan bekerja," katanya.

Katanya, kemudahan internet kini adalah antara utiliti asas yang menjadi kayu pengukur tahap pembangunan dan kemajuan sesuatu tempat.

Kemudahan internet bukan lagi hanya untuk orang bandar atau golongan berada, bahkan ia telah menjadi keperluan untuk segenap lapisan masyarakat.

"Keperluan ini menjadi semakin kritikal ketika negara berdepan dengan pandemik COVID-19. Pergerakan secara fizikal dikawal untuk mencegah penularan jangkitan wabak ini. Kesannya, permintaan terhadap perkhidmatan internet telah meningkat secara mendadak," katanya.